

23 AUG 1996

Argentina-Perjanjian (Bergambar)

ARGENTINA DAN MALAYSIA HARAP AKTIVITI DUA HALA MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Argentina dan Malaysia berharap hubungan antara kedua-dua negara akan meningkat dan meliputi semua bidang termasuk perdagangan, ekonomi, budaya dan sosial khususnya selepas lawatan Presiden negara itu Carlos Menem ke Malaysia.

"Kedua-dua pemimpin bersetuju yang hubungan dua hala antara Malaysia dan Argentina kini mempunyai asas yang kukuh," kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata demikian semasa memberi taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menem yang kini berada dalam rangka lawatan lima hari ke negara ini.

Abdullah berkata, dalam perjumpaan di pejabat Perdana Menteri itu, Menem memberi jaminan yang Argentina akan menimbangkan permintaan Malaysia untuk meningkatkan lagi bilangan penerbangan ke Argentina dari Malaysia.

Pada masa yang sama, kedua-dua pemimpin itu juga membincangkan pengangkutan laut menggunakan kapal-kapal yang lebih besar bagi membolehkan lebih banyak barangan diangkut untuk meningkatkan lagi perdagangan antara kedua-dua negara.

Pada masa yang sama penggunaan kapal-kapal yang besar akan mengurangkan kos pengangkutan kerana lebih banyak barangan dapat diangkut antara kedua-dua negara yang jarak antara mereka agak jauh.

Semasa pertemuan itu, mereka juga bersetuju yang kedua-dua negara akan saling bertindak sebagai pusat pengedaran barangan yang akan dieksport ke negara ketiga di rantau masing-masing.

Abdullah berkata, Malaysia akan mengadakan rundingan dengan Argentina mengenai bagaimana mewujudkan pusat-pusat itu dengan segera bagi meningkatkan lagi perdagangan antara kedua-dua negara.

"Kita juga telah bersetuju untuk meneruskan rundingan mengenai isu-isu seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan penyusunan semula Majlis Keselamatan dan juga mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) akan datang," kata beliau.

Beliau berkata, kedua-dua pemimpin itu juga menekankan kepentingan Kumpulan 15 (G15) bagi membolehkan kerjasama Selatan-Selatan yang kejayaannya akan membolehkan negara-negara di selatan membangunkan pasaran sendiri.

Menurut Abdullah, Dr Mahathir juga menyatakan akan perlunya dasar bagi membantu negara-negara jiran menjadi makmur.

Selepas mesyuarat itu, Menem dan Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani pelbagai perjanjian yang Abdullah menyifatkannya sebagai persediaan bagi lebih banyak aktiviti yang akan berlaku selepas lawatan Presiden Argentina itu.

Perjanjian pertama itu ialah mengenai perkhidmatan udara yang diperakui oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Luar dan Perdagangan Antarabangsa Argentina Dr Guido Jose Mario Di Tella.

Dr Di Tella juga menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi kerjasama dalam bidang pelancongan antara Argentina dan Malaysia dengan Malaysia diwakili oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Satu lagi MoU mengenai saling kerjasama bagi penggalakkan pelancongan ditandatangani oleh Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) Samsuddin Marsop dan Marcello Avogado dari Foundation Export A.R.Argentina (Exportar).

Satu perjanjian pembentukan usahasama IMPSA (Malaysia) Sdn Bhd ditandatangani oleh Pengarah Urusan IMPSA (Asia) Sdn Bhd Enrique M Pascamona, Pengerusi Hicom Holdings Bhd Tan Sri Yahaya Ahmad, Ketua Eksekutif Permodalan Nasional Bhd (PNB) Datuk Mohamed Hilmey Mohamed Taib, Pengerusi Kumpulan Pinang Holdings Bhd Datuk Ahmad Fuat Mat Ali dan Pengerusi Emir Equity Sdn Bhd Datuk Mohamed Izat Emir.

Satu MoU antara IMPSA (M) Sdn Bhd dan Ekran Bhd juga ditandatangani untuk membekalkan peralatan teknologi tinggi yang dikilangkan di Malaysia bagi projek Hidroelektrik Bakun. Tan Sri Ting Pek Khiing menandatangani MoU bagi pihak Ekran sementara Izat mewakili IMPSA (M) Sdn Bhd.

Abdullah berkata, semasa perbincangan mengenai hubungan Asean-Mercusor, kedua-dua pemimpin menekankan pentingnya mewujudkan hubungan antara kedua-dua pihak itu. Mercusor, ialah kumpulan pasaran bersama selatan yang dianggotai oleh Argentina, Brazil, Uruguay dan Paraguay.

"Saya memberitahu mereka yang Menteri-menteri Luar Asean telahpun membincangkan perkara itu dan kini sedang meneliti bagaimana meningkatkan lagi hubungan," kata beliau.

Beliau berkata, Malaysia juga telah diberitahu yang Mercusor juga akan membincangkan hubungannya dengan Asean di satu mesyuarat yang akan diadakan di Brazil, tahun ini.

Mengenai perdagangan, Abdullah berkata Argentina merupakan rakan perdagangan penting bagi Malaysia. Argentina merupakan yang ketiga terbesar di benua Amerika Selatan dan menyediakan pintu masuk bagi syarikat Penerbangan Malaysia ke negara-negara Amerika Selatan yang lain.

"Ia penting kerana beberapa sebab... begitu juga dengan Brazil yang merupakan rakan perdagangan yang besar bagi kita yang kita tidak boleh tinggalkan.

"Tetapi bagi kita, sejak lawatan Dr Mahathir ke Amerika Selatan pada 1991, kita menganggap rantau itu sebagai penting dan mahu meningkatkan lagi hubungan untuk meningkatkan kerjasama di pelbagai bidang seperti ekonomi, teknikal, perdagangan dan pelaburan," kata beliau. -- BERNAMA

ZAB RM PR